yang berlandaskan kepada pengajaran dan pembelajaran berdasarkan pengalaman (*experiential learning*) yang menggunakan medium alam semulajadi sebagai makmal pendidikan. Menurut Hickman dan Stokes (2016) Pendidikan Luar juga turut dinamakan sebagai pendidikan cabaran (adventure education), program cabaran (adventure programming), pembelajaran Pendidikan Luar (outdoor learning), pendidikan persekitaran (environmental education), terapi cabaran (adventure therapy) dan pendidikan pengalaman (*experiential education*).

Secara keseluruhanya, Pendidikan Luar dilihat sebagai indikator yang bersesuaian dalam membantu dan membina karakter individu khususnya jati diri seseorang. Antara lain, Pendidikan Luar turut memberi pilihan kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan pembelajaran diluar bilik darjah yang





lebih menyeronokkan dan mencabar. Walau bagaimanapun, permintaan yang tinggi terhadap aktiviti Pendidikan Luar ini juga turut menuntut kepada permintaan tahap keupayaan atau kompetensi jurulatih yang kompeten kerana ianya melibatkan isu keselamatan peserta aktiviti.

### **1.1.1 Kompetensi Jurulatih**

Didalam kita memfokuskan impak dan kesan program Pendidikan Luar yang telah dilalui, timbul persoalan sejauhmanakah tahap keupayaan jurulatih Pendidikan Luar yang mengendalikan aktiviti tersebut? Adakah mereka ini mampu dan cekap mengendalikan aktiviti atau program ini dengan jayanya? Timbul pertanyaan, sejauhmanakah kompetensi dan kecekapan jurulatih Pendidikan Luar yang mengendalikan aktiviti terbabit diukur? (Seemiller, 2018). Hari ini, banyak organisasi Pendidikan Luar yang mampu menghasilkan jurulatih-jurulatih yang berkemahiran mengikut kepakaran masing-masing. Pastinya mereka menyatakan jurulatih yang dihasilkan ini adalah yang berkualiti. Maka timbul persoalan apakah pengukuran yang mereka gunakan? Bagaimanakah pengukuran standard yang digunakan dalam memastikan keupayaan dan kecekapan jurulatih-jurulatih ini dapat dihasilkan (Wannapiroon, 2014).

Di Malaysia, pengukuran standard terhadap jurulatih-jurulatih ini adalah suatu yang baharu. Ini kerana, masih belum terdapat suatu standard pengukuran yang boleh digunakan secara seragam terhadap kompetensi jurulatih yang terbabit. Ini berbeza dengan negara-negara barat yang telahpun mempunyai standard pengukuran





kompetensi yang seragam (Naim & Lenka, 2017). Lantaran itu, jurulatih Pendidikan Luar yang dilatih dari negara-negara barat mempunyai standard dan piawaian yang teknal berbanding jurulatih yang ada di Malaysia (Martin, Wagstaff & Goldenberg, 2017). Berdasarkan kepada isu ketiadaan piawaian pengukuran tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar ini, maka pengkaji berpendapat telah tiba masanya untuk membangunkan suatu instrumen standard penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia.

Antara kajian berkaitan kompetensi telah dijalankan Warren (2016) menjelaskan kompetensi sebagai kualiti yang dimiliki oleh seseorang untuk melaksanakan sesuatu tugas. Seseorang individu dikatakan mempunyai kompetensi yang baik apabila dapat menghasilkan sesuatu tugas dengan cemerlang. Menurut Seemiller (2013) menyatakan kompetensi adalah pengetahuan, nilai, keupayaan (kemahiran atau motivasi) dan tingkah laku yang menyumbang kepada keberkesanan dalam sesuatu tugas. Kompetensi yang dimaksudkan merujuk kepada keupayaan seseorang individu melakukan sesuatu tugas dengan berkesan.

Manakala Kementerian Pengajian Tinggi (2010) menjelaskan, kompetensi melibatkan proses pengajaran termasuklah perkara yang berkaitan personal, profesional dan sosial seperti pengajaran, kepakaran dalam mata pelajaran, kepakaran dalam teori yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, menguruskan proses pembelajaran, adaptasi dalam komuniti dan personaliti. Merujuk kepada maksud diatas, ianya berkaitan kemampuan individu menjalankan sesuatu proses pengajaran dengan berkesan. Zaman terus berubah, perkembangan individu juga turut berkembang selari dengan kepesatan teknologi. Hari ini, dalam dunia yang sentiasa berubah, kebolehan





bertindak secara fleksibel memerlukan satu daya kompetensi yang tinggi (Fullan, 2011). Fullan melihat, keperluan kompetensi sebagai suatu keperluan utama dalam menangani sesuatu tugas. Ini menunjukkan betapa pentingnya keperluan kompetensi kepada seseorang individu dalam menjalankan tugasan.

Maka berdasarkan hujah di atas, pengkaji berpendapat bahawa kompetensi merupakan suatu komponen atau indikator penting yang perlu bagi seseorang jurulatih Pendidikan Luar. Komponen atau indikator ini penting dalam memastikan setiap tugasan atau pengendalian aktiviti Pendidikan Luar dapat dijalankan dengan baik dan cekap terutamanya dalam Pendidikan Luar yang menggabungkan elemen keseronokan, cabaran, dan keselamatan aktiviti yang terkawal.



### 1.1.2 Pusat Kokurikulum

Pusat Kokurikulum merupakan organisasi Pendidikan Luar yang ditubuhkan dibawah Bahagian Kesenian dan Kokurikulum (BKK), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Dua fokus utama BKK ialah menyelia dan membangunkan potensi kesenian dan juga kokurikulum di Malaysia (Morgan & Orphan, 2017). Sebahagian skop tugas dan fokus didalam kokurikulum adalah penubuhan Pusat Kokurikulum disetiap Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Jabatan Pelajaran Negeri bertindak memastikan segala perancangan, aktiviti dan latihan berkaitan Pendidikan Luar dijalankan diperingkat daerah dan diperingkat sekolah.





Pusat Kokurikulum merupakan organisasi yang ditubuhkan dibawah bidang kuasa Jabatan Pelajaran Negeri. Pusat Kokurikulum merancang dan melaksanakan pelbagai program Pendidikan Luar khusus kepada pelajar sekolah dalam memastikan pembangunan dan pembentukan jati diri pelajar seiring dengan Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Sehingga kini terdapat sebanyak 14 buat Pusat Kokurikulum Negeri yang didaftarkan dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia. Bagi menjayakan program yang telah dirancang, sekelompok jurulatih telah dilantik sebagai pengendali utama program Pendidikan Luar di Pusat Kokurikulum. Jurulatih ini terdiri dalam kalangan guru-guru Kementerian Pendidikan Malaysia yang cenderung dan berminat terhadap bidang Pendidikan Luar.



### 1.1.3 Jurulatih Pusat Kokurikulum

Jurulatih Pusat Kokurikulum adalah nadi utama terhadap perlaksanaan program Pendidikan Luar. Menurut sumber Bahagian Kesenian & Kokurikulum (BKK, 2018) Jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum adalah guru yang didaftarkan dibawah Jabatan Pelajaran Negeri. Kewujudan mereka adalah sebagai kumpulan jurulatih yang dilantik bagi mengendalikan sebarang aktiviti Pendidikan Luar dibawah anjuran Pusat Kokurikulum Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum ini terdiri dalam kalangan guru-guru sekolah rendah dan sekolah menengah. Pembabitan guru-guru ini juga adalah berdasarkan kepada minat dan kecenderungan mereka terhadap aktiviti Pendidikan Luar. Data terkini penglibatan jurulatih Pusat Kokurikulum di Malaysia yang direkodkan pada tahun 2017 adalah seramai 3057 orang (BKK, 2018).



Walau bagaimanapun, bilangan jurulatih sebenar yang aktif adalah ditentukan berdasarkan kepada kekerapan penyertaan mereka menghadiri program-program yang telah dijana oleh Pusat Kokurikulum Negeri. Butiran lanjut tentang demografi dan ciri-ciri jurulatih Pendidikan Luar ini akan diterangkan dengan teperinci didalam bab seterusnya.

## 1.2 Latar belakang Kajian

Kajian ini berfokuskan kepada pembangunan instrumen penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.

Jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum merupakan organisasi yang diwartakan

dibawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sebagai kumpulan jurulatih kepada aktiviti Pendidikan Luar yang dijalankan di Pusat Kokurikulum. Jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum ini dilihat sebagai kumpulan jurulatih yang sangat penting dalam memastikan segala aktiviti Pendidikan Luar yang dijalankan mampu dikendalikan dengan baik.

Berdasarkan perkembangan semasa, permintaan program Pendidikan Luar daripada pihak sekolah melalui Pusat Kokurikulum adalah sangat menggalakkan. Sekolah melihat aktiviti Pendidikan Luar ini sebagai suatu aktiviti yang sangat membantu kepada pembentukan disiplin dalam kalangan pelajar (Boyatzis Passarelli & Wei, 2014). Antara lain, sekolah turut melihat program Pendidikan Luar mampu menggalakkan pelajar untuk berusaha serta meningkatkan tahap pencapaian akademik mereka (Dan , Sibthorp, Gookin, Sarah & Stephanie, 2019).



Jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum merupakan individu atau kumpulan yang bertanggungjawab memastikan kemampuan dan kecekapan mereka benar-benar berkualiti. Lantaran itu, bagi memastikan tahap atau kualiti jurulatih ini berada pada tahap terbaik, perlunya dilaksanakan satu kajian bagi mengenalpasti tahap kompetensi jurulatih terbabit.

Ini dibuktikan dengan kajian yang telah dijalankan oleh Grunwell (2015) yang menjelaskan bahawa, perlunya suatu kajian kepada penekanan terhadap kompetensi seseorang jurulatih. Mana-mana organisasi yang menawarkan perkhidamatan kemahiran yang melibatkana aktiviti fizikal dan mencabar adalah suatu keperluan menentukan tahap kompetensi jurulatih atau fasilitator mereka. Ini kerana, kompetensi jurulatih merupakan asas kukuh kepada keyakinan pelanggan atau peserta bagi mengikuti sesuatu penganjuran aktiviti, terutamanya bagi aktiviti yang mencabar dan berisiko.

Selain itu, kajian yang menekankan kepada kepentingan kompetensi terhadap jurulatih atau fasilitator adalah melalui kajian yang dijalankan oleh Gravina (2017) menjelaskan bahawa, keyakinan yang tinggi peserta untuk melakukan sesuatu aktiviti yang berisiko dan mencabar ini adalah bilamana jurulatih atau fasilitator merupakan individu yang terlatih dan mempunyai tahap kompetensi yang tinggi. Berdasarkan kepada hasil kajian tersebut, maka pengkaji melihat isu kompetensi ini merupakan isu yang sangat penting khususnya kepada industri Pendidikan Luar. Ini kerana, iaanya melibatkan banyak perkara khususnya melibatkan faktor kredibiliti jurulatih dan juga faktor keselamatan pelajar.





Pelaksanaan kajian ini juga dilihat sangat signifikan kerana, berdasarkan pemantauan pengkaji ke Bahagian Kesenian dan Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, tiada suatu instrumen spesifik yang boleh digunakan dalam menentukan prestasi dan juga tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum. Kepelbagaiannya modul latihan dilihat antara keutamaan Pusat Kokurikulum kepada para jurulatih mereka (Sim & Volk, 2020). Maka, pengkaji melihat bahawa, Pusat Kokurikulum seharusnya melihat kepada penekanan aspek kompetensi jurulatih sebagai keutamaan mereka selain melihat kepada pembangunan modul latihan yang hanya tertumpu kepada aspek memberikan pendedahan kemahiran-kemahiran dalam aktiviti Pendidikan Luar.



Di Barat, jurulatih Pendidikan Luar yang menjalankan aktiviti terdiri daripada mereka yang kompeten (Buhari & Marda, 2020). Ini kerana, keupayaan mereka diukur dengan standard pengukuran yang tekal dan seragam. Walau bagaimanapun, senario ini masih belum terlaksana sepenuhnya di Malaysia. Sehingga hari ini, standard kompetensi jurulatih Pendidikan Luar masih boleh diperdebatkan. Ini kerana, belum ada suatu standard yang boleh digunakan dalam menilai tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia (Bahagian Kesenian & Kokurikulum, 2018). Lantaran itu, standard piawaian jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia agak ketinggalan berbanding negara-negara lain di dunia. Maka perlunya suatu standard pengukuran dalam mengukur tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia dibangunkan.





Akibat ketiadaan standard pengukuran yang seragam membolehkan masyarakat mempersoalkan tentang kompetensi jurulatih Pusat Kokurikulum di Malaysia. Sejauhmanakah jurulatih-jurulatih ini mampu memperakui kemampuan mereka dalam mengendalikan aktiviti Pendidikan Luar? Pastinya akan timbul perdebatan tentang tahap kompetensi mereka dalam mengendalikan aktiviti Pendidikan Luar di Pusat Kokurikulum. Saban tahun permintaan aktiviti Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum terus meningkat. Ini dibuktikan dengan analisis dapatan penganjuran aktiviti Pendidikan Luar yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum disetiap negeri. Analisis penganjuran memperlihatkan bahawa, penganjuran aktiviti atau program Pendidikan Luar disetiap negeri melebihi jumlah seribu aktiviti dalam tempoh setahun. Ini kerana, penganjuran-penganjuran aktiviti Pendidikan Luar di Pusat Kokurikulum Daerah adalah sangat membantu.



Namun, permintaan peningkatan para jurulatih Pendidikan Luar juga perlu seiring dengan tuntutan yang membabitkan soal kualiti jurulatih Pendidikan Luar dari segi kompetensi mereka terutamanya yang melibatkan faktor keselamatan (Warren, Risinger & Loeffler, 2018). Standard kompetensi jurulatih Pendidikan Luar adalah sangat penting kerana ianya berkait rapat dengan kualiti pengalaman jurulatih dalam mengendalikan aktiviti yang berisiko tinggi. Penyediaan jurulatih Pendidikan Luar yang kompeten ini adalah bertujuan memastikan aktiviti–aktiviti yang berisiko tinggi dapat dikendalikan tanpa sebarang risiko kecederaan dan kemalangan.

Antara lain memperlihatkan bahawa, keperluan mendesak terhadap kompetensi ini dibuktikan didalam kajian yang telah dilaksanakan oleh Johanis (2016). Hasil kajian





beliau mendapati, antara faktor yang menyebabkan insiden kemalangan didalam aktiviti Pendidikan Luar adalah kemampuan jurulatih mengendalikan aktiviti tersebut. Maka melalui respon dan maklum balas pendaki-pendaki bagi aktiviti pergunungan sebagai contoh menjelaskan, kompetensi jurulatih merupakan keperluan utama terhadap seseorang jurulatih. Selain itu, insiden kemalangan berkaitan aktiviti Pendidikan Luar yang dianjurkan oleh Pusat Kokurikulum juga turut direkodkan. Insiden kemalangan ini sekaligus memberikan gambaran yang jelas tentang kelemahan-kelemahan jurulatih bagi memastikan aktiviti yang laksanakan berjalan lancar.

Antara insiden yang direkodkan adalah seperti, kejadian yang mengakibatkan kematian kepada seorang pelajar yang dihempap takal besi semasa mengikuti program perkhemahan di sekolah (Harian Metro, 2011). Antara lain, adalah kejadian lemas yang

05-4506832 Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah ptbupsi  
mengakibatkan lima orang pelajar dan seorang guru semasa mengikuti latihan perahu naga di sungai (Harian Metro, Januari 2010). Sementara tragedi Pos Dipang yang masih segar dalam ingatan kita suatu masa dahulu yang mana ianya menyebabkan puluhan pelajar sekolah rendah mati lemas dihanyutkan oleh arus sungai apabila jambatan yang menghubungkan tapak perkhemahan dengan kawasan aktiviti mereka runtuh secara tiba-tiba.

Antara lain pula, kes lemas yang direkodkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan iaitu sebanyak 596 kes dicatatkan dalam tempoh setahun. Daripada bilangan ini, sebahagian besar merupakan kumpulan pelajar sekolah yang terlibat semasa mengikuti aktiviti sekolah dan sebagainya. Rentetan laporan dan dapatan ini, maka dapat disimpulkan bahawa, kompetensi jurulatih





merupakan elemen yang sangat penting dalam aspek penganjuran aktiviti Pendidikan Luar ini.

Justeru, apakah perkaitan diantara kejadian kemalangan dan kecederaan semasa aktiviti Pendidikan Luar ini berlangsung dengan tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar itu sendiri dalam mengendalikan aktiviti berisiko dan mencabar ini. Pertikaian dan perbalahan berkaitan isu ini terus menjadi tanda tanya? Apakah kriteria dan juga penilaian utama terhadap para jurulatih Pendidikan Luar yang mengendalikan aktiviti tersebut. Adakah mereka ini benar-benar terlatih terhadap aktiviti berisiko dan mencabar ini?

Maka keutamaan dan keperluan pembangunan instrumen penilaian ini dilihat sedikit sebanyak dapat membantu merungkai isu dan permasalahan ini. Secara dasarnya, dengan pembangunan instrumen kompetensi ini membolehkan jurulatih menilai sendiri secara kendiri tentang tahap kompetensi mereka. Selain itu, ia juga dapat memberikan maklumbalas kepada pentadbir Pusat Kokurikulum tentang kompetensi yang perlu dibangunkan dalam bahagian kejurulatihan sekaligus membolehkan mereka merancang jenis dan tahap latihan yang bersesuaian dengan kompetensi yang diperlukan oleh jurulatih. Secara keseluruhan, penyelidik mendapati bahawa standard kompetensi ini masih belum dibina kerana tiadanya instrumen pengukuran yang sesuai. Maka sehubungan dengan itu, suatu kajian perlulah dilaksanakan bagi membina instrumen dan model kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum yang selaras dengan situasi semasa di Malaysia.



## 1.4 Kepentingan Kajian

Pelaksanaan kajian ini amat penting terhadap Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia dan industri Pendidikan Luar di Malaysia kerana :

- i. Memberikan sumbangan *body of knowledge* kepada industri Pendidikan Luar dan Rekreasi Luar di Malaysia.
- ii. Mewujudkan instrumen pengukuran kompetensi jurulatih Pendidikan Luar
- iii. Membolehkan Jurulatih boleh menilai sendiri tahap kompetensi mereka
- iv. Membantu meminimakan risiko kemalangan didalam aktiviti Pendidikan Luar dan Rekreasi Luar
- v. Menyediakan medium kepada pentadbir Pusat Kokurikulum untuk merancang kaedah peningkatan kompetensi jurulatih mereka

**a) Memberi sumbangan terhadap *body of knowledge* kepada industri Pendidikan Luar dan Rekrerasi Luar di Malaysia**

Kajian ini merupakan kajian terawal dalam mengkaji kompetensi jurulatih Pendidikan Luar. Hasil tinjauan kajian lepas, hanya dua kajian yang dilihat menjurus kepada jurulatih Pendidikan Luar iaitu kajian yang dilaksanakan oleh Hashim dan Raj (2018) tentang penilaian peserta terhadap jurulatih Pusat Kokurikulum Sabah tentang penguasaan asas pengetahuan, psikomotor dan juga afektif mereka dalam Pendidikan Luar. Manakakala kajian seterusnya kajian oleh Azita (2007) tentang penilaian berkaitan aktiviti Pendidikan Luar dalam kalangan bakal guru Institut Perguruan Guru Malaysia (IPGM).

**b) Mewujudkan instrumen pengukuran kompetensi jurulatih Pendidikan Luar**

Sehingga saat ini, belum wujud alat ukur yang boleh digunakan dalam mengukur tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia. Sehubungan itu, kajian ini akan membina dan mewujudkan instrumen tersebut.

**c) Instrumen yang berfokuskan penilaian kendiri**

Dengan wujudnya instrumen atau alat ukur penilaian kendiri ini, jurulatih boleh menilai sendiri tahap kompetensi mereka. Penghasilan instrumen penilaian kendiri ini dapat memberikan makluman kepada jurulatih ataupun organisasi Pendidikan Luar tentang tahap keupayaan yang dimiliki oleh seseorang jurulatih. Maka jurulatih boleh merancang kaedah peningkatan kompetensi mereka dengan lebih sistematik.

**d) Membantu meminimakan risiko kemalangan didalam aktiviti Pendidikan Luar**

Kewujudan instrumen penilaian kendiri ini sedikit sebanyak mampu memberikan maklumbalas kepada para jurulatih terhadap kemampuan mereka untuk mengendalikan sesuatu aktiviti Pendidikan Luar mahupun Rekreasi Luar. Maka impaknya kemalangan dan kecederaan dapat dielakkan.





- e) Menyediakan medium kepada pentadbir Pusat Kokurikulum untuk merancang kaedah peningkatan kompetensi jurulatih mereka

Dengan kewujudan instrumen penilaian ini, iaanya dapat membantu, ketua unit Pusat Kokurikulum di Jabatan Pendidikan Negeri untuk merancang dan mempersiapkan jurulatih mereka berdasarkan kepada keperluan-keperluan kemahiran dalam kalangan jurulatih mereka.

### 1.5 Matlamat Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada pembangunan instrumen penilaian kendiri tahap jurulatih Pendidikan Luar dan model kompetensi Jurulatih Pendidikan Luar Pusat

Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia. Selain dari pembangunan instrumen ini, penumpuan pengkaji adalah memastikan isntrumen yang dibangunkan sah dan mempunyai kebolehpercayaan yang baik. Menurut Chua (2012) instrumen yang baik mestilah mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Pembangunan instrumen ini akan dapat membantu Pusat Kokurikulum mengenalpasti tahap kompetensi jurulatih. Kajian ini juga bermatlamat untuk meninjau tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum menggunakan instrumen yang dibangunkan sekaligus memberikan input kepada Pusat Kokurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) tentang tahap kompetensi jurulatih mereka.





## 1.6 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

1. Menentukan kesahan instrumen penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar bagi jurulatih Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.
2. Menentukan kebolehpercayaan instrumen penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar bagi jurulatih Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.
3. Menentukan perbezaan tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia bagi sub-atribut *foundations, hard skills, soft skills* dan *meta skills*.
4. Menentukan kesan pengaruh sub-atribut *foundations, hard skills, soft skills* dan *meta skills* terhadap model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.
5. Menentukan kesan pengaruh *foundations, hard skills, soft skills*, dan *meta skills* terhadap model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.
6. Menentukan tahap persetujuan pembangunan instrumen dan model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.





## 1.7 Persoalan Kajian

Berdasarkan kepada objektif kajian tersebut, kajian ini bertujuan untuk mencapai jawapan kepada segala persoalan kajian berikut:

1. Adakah terdapat kesahan instrumen penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar bagi jurulatih Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia?
2. Adakah terdapat kebolehpercayaan instrumen penilaian kendiri tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar bagi jurulatih Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia?
3. Adakah terdapat perbezaan tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia bagi sub-atribut *foundations, hard skills, soft skills* dan *meta skills*?
4. Adakah terdapat kesan pengaruh sub-atribut *foundations, hard skills, soft skills* dan *meta skills* terhadap model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia?
5. Adakah terdapat kesan pengaruh atribut *foundations, hard skills, soft skills* dan *meta skills* terhadap model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia?
6. Adakah terdapat persetujuan pembangunan instrumen dan model tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia?





## 1.8 Limitasi Kajian

Antara limitasi kajian ini adalah :

### 1.8.1 Zon Borneo – Pusat Kokurikulum Negeri Sabah

Bagi kajian ini, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian kepada populasi jurulatih di Negeri Sabah memandangkan atas faktor kewangan, jarak dan keterbatasan masa hadir menjalankan kajian disana.



### 1.8.2 Zon Borneo – Pusat Kokurikulum Negeri Sarawak



Bagi kajian ini, pengkaji tidak dapat menjalankan kajian kepada populasi jurulatih di Negeri Sarawak memandangkan atas faktor kewangan, jarak dan keterbatasan masa hadir menjalankan kajian disana.

### 1.8.3 Jurulatih Pusat Kokurikulum - Tidak Aktif

Pengkaji turut melihat kekangan dalam mendapatkan respon kajian daripada keseluruhan jurulatih Pusat Kokurikulum di Malaysia. Ini kerana, keseluruhan jurulatih yang direkodkan adalah termasuk jurulatih yang sudah tidak lagi aktif tetapi masih lagi berdaftar di bawah Pusat Kokurikulum setiap negeri.





### 1.8.4 Metodologi Kajian

Menumpukan kepada kaedah atau rekabentuk kajian kuantitatif dipilih dalam menentukan pembangunan instrumen penilaian kendiri jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia. Antara lain pengkaji turut membangunkan Model Kompetensi Jurulatih Pendidikan Luar (*Outdoor Leadership Competency - OLC-OMAR*).

## 1.9 Definisi Operasional

Pengertian terminologi dan konsep dalam konteks kajian ini adalah diaplikasikan



### 1.9.1 Pendidikan Luar

Menurut Simon, Chris dan Roger (2018) Pendidikan Luar didefinisikan sebagai pembelajaran unik yang menggabungkan elemen manusia dan alam sekitar yang mana iaanya meliputi (i) pembangunan interpersonal seseorang individu, (ii) pembelajaran tentang alam sekitar, memelihara dan memulihara alam sekitar serta (iii) pendedahan terhadap aktiviti Pendidikan Luar berdasarkan cabaran.





### 1.9.2 Instrumen Kompetensi

Menurut Hashim (2015) menyatakan instrumen adalah suatu alat ukur dalam menilai pengetahuan, kemahiran, nilai, dan juga persepsi seseorang individu. Instrumen didalam kajian ini adalah instrumen baharu yang dibangunkan dalam menilai tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar Pusat Kokurikulum Zon Negeri di Malaysia.

### 1.9.3 Kompetensi

Menurut Núñez, Romero, Sánchez dan Aránega (2018), kompetensi ditakrifkan sebagai gabungan aspek pengetahuan, kemahiran dan ciri-ciri peribadi yang perlu dimiliki serta diamalkan bagi melaksanakan sesuatu pekerjaan atau jawatan. Seseorang jurulatih Pendidikan Luar yang kompeten perlu menguasai prinsip atau konsep asas Pendidikan Luar ini.

### 1.9.4 Pusat Kokurikulum

Merujuk kepada suatu pusat yang bertanggungjawab merancang dan mengendalikan aktiviti Pendidikan Luar khusus kepada kumpulan pelajar sekolah rendah dan menengah dibawah seliaan Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.





### 1.9.5 Jurulatih Pusat Kokurikulum

Merujuk kepada populasi Jurulatih Pusat Kokurikulum di Malaysia. Populasi ini terlibat secara langsung dengan program Pendidikan Luar yang dianjurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dibawah seliaan Jabatan Pelajaran Negeri.

### 1.9.6 Model *Bricks Wall*

Merujuk kepada model utama yang digunakan oleh pengkaji didalam kajian ini. Model ini mengandungi empat atribut utama iaitu atribut *foundations*, *hard skills*, *soft skills* dan *meta skills* (Priest, 1986).



### 1.9.7 Atribut *Foundations*

Merujuk kepada atribut asas didalam kerangka Model *Bricks Wall*. Atribut *foundations* ini terdiri daripada tiga sub-atribut yang mewakilinya iaitu sub-atribut falsafah, sejarah dan juga psikososial (Priest, 1986).

### 1.9.8 Atribut *Hard Skills*

Merujuk kepada atribut kedua didalam kerangka Model *Bricks Wall*. Atribut *hard skills* ini terdiri daripada sub-atribut seperti kemahiran keselamatan, kemahiran teknikal dan





juga kemahiran persekitaran. Atribut *hard skills* ini merupakan kemahiran yang memerlukan penguasaan kemahiran fizikal (Priest, 1986).

### **1.9.9 Atribut *Soft Skills***

Merujuk kepada atribut ketiga didalam kerangka Model *Bricks Wall*. Atribut *soft skills* terdiri daripada sub-atribut seperti kemahiran pengajaran, kemahiran berorganisasi, dan kemahiran memudahcara (Priest, 1986).

### **1.9.10 Atribut *Meta skills***



Merujuk kepada atribut yang tertinggi didalam kerangka Model *Bricks Wall*. Atribut *meta skills* terdiri daripada kemahiran kepimpinan, kemahiran berkomunikasi dan kemahiran menyelesaikan masalah (Priest, 1986).





## 1.10 Rumusan

Secara keseluruhan, bab ini menerangkan secara terperinci tentang pengenalan kajian yang terdiri daripada latar belakang, pernyataan masalah, objektif, persoalan, limitasi dan kekangan menjalankan, serta definisi operasi yang berkaitan dengan kajian ini. Pengkaji melihat instrumen standard alat ukur penilaian tahap kompetensi jurulatih Pendidikan Luar di Malaysia ini sebagai suatu keperluan yang perlu dibangunkan. Antara lain, pengkaji turut berharap, dengan wujudnya instrumen standard penilaian tahap kompetensi ini nanti mampu memberikan suatu sumbangan yang signifikan didalam arena Pendidikan Luar di Malaysia ini.

